

04/10/1997

Jangan gelabah: PM (HL)

Mustapa Omar in Montevideo

MONTEVIDEO, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya mempunyai ketahanan diri, tertib dan berdisiplin dalam menghadapi krisis mata wang yang berlaku sekarang.

Menurut Perdana Menteri, jika rakyat gelabah, mudah panik dan tunduk kepada tekanan pihak tertentu, masalah itu bukan saja sukar diatasi, malah semua akan mengalami kerugian.

"Kita boleh menghadapi semua masalah ini dengan cara kita betul-betul berdisiplin. Kalau kita gelabah, kita panik, maka kita akan rugi dan terjun ke dalam lembah.

"Ada negara lain yang mencatatkan kadar inflasi 1,000 peratus, tetapi rakyatnya masih hidup dan negaranya tidak hilang. Kita tidak sampai 30 peratus. Saya fikir jika kita berdisiplin, tahu bawa diri, kita boleh mengatasi masalah ini," katanya.

Bercakap kepada pemberita pada akhir lawatannya ke Uruguay semalam, Dr Mahathir menjelaskan bahawa tekanan ke atas ringgit bukan dilakukan oleh kerajaan, tetapi orang perseorangan yang bukan dipilih oleh sesiapa.

Sehubungan itu, rakyat tidak seharusnya tunduk kepada tekanan berkenaan, sebaliknya bersatu dengan kerajaan menentang mereka yang tidak bertanggungjawab itu.

"Apakah kita akan gugurkan kemerdekaan kita kerana kita ingin tunduk pada orang lain. Apa maknanya kemerdekaan atau demokrasi kalau pemimpin yang dipilih secara demokrasi terpaksa menyembah orang asing?

"Bagaimanapun, jika ada orang kita yang ingin sembah, sembahlah. Saya tidak sedia, tidak sanggup menyembah orang. Kita sudah berusaha untuk menebus maruah dan memerdekakan negara kita, apakah kita hendak gadai maruah dan kemerdekaan negara dengan begitu saja," katanya.

Ditanya mengenai cadangan bahawa sudah sampai masanya untuk menukar kepemimpinan bagi mengatasi kemelut yang berlaku sekarang, Dr Mahathir berkata, ia hanyalah satu usaha untuk memecahbelahkan rakyat.

Menjawab soalan mengenai forum yang sesuai untuk membincangan isu mengenai mata wang, Perdana Menteri berkata selain Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)/Bank Dunia, banyak lagi forum lain yang boleh digunakan.

Bagaimanapun, katanya, apa yang penting ialah keberkesanannya kerana jika ia tidak berkesan, mungkin lebih banyak lagi negara-negara membangun yang akan menjadi mangsanya.

"Hari ini yang anehnya ialah kepercayaan mereka kepada negara-negara yang lebih mundur daripada Malaysia adalah lebih tinggi sehingga nilai mata wang negara miskin itu sudah naik berbanding ringgit Malaysia.

"Jadi apakah benar yang dikatakan kononnya fundamental kita sudah lemah? Ini sebenarnya bukan soal fundamental, tetapi soal tekanan dan soal mendapat wang daripada orang yang ada wang. Kalau tidak ada wang dia tak kacaulah, tetapi yang tidak ada wang sekarang ini, apabila naik esok dia akan buat benda yang sama," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan ada pemimpin dunia ketiga lain yang menyokong pandangannya tetapi enggan bersuara, Dr Mahathir berkata, pemimpin berkenaan tidak boleh dipersalahkan.

"Kita tidak boleh marah kepada mereka. Mereka miskin dan terhutang budi. Mereka ditekan dan dikilas tangan, jadi mereka tidak boleh bersuara. Kita pun dicuba untuk dikilas tangan. Terpulanglah kepada rakyat Malaysia kalau hendak tunduk dan sembah orang kerana tangan sudah dikilas ke belakang,'

katanya.

Mengenai kesan negatif terhadap orang ramai berikutan krisis mata wang sekarang, termasuk kenaikan harga barang, Perdana Menteri berkata kerajaan dalam proses mengumpul maklumat mengenai kesan berkenaan.

Menurutnya, apabila semua maklumat itu sudah diperolehi, kerajaan akan mencari jalan untuk mengatasinya.

Perdana Menteri berkata, masalah seperti ini bukan kali pertama berlaku di dunia, malah Britain pernah menderita apabila mata wangnya jatuh, tetapi sekarang nilai pound jauh lebih mahal daripada dulu.

Ditanya mengenai hasil lawatannya ke Uruguay, Dr Mahathir berkata banyak pihak yang menunjukkan minat untuk mengadakan hubungan ekonomi, termasuk melabur di Malaysia.

Selain itu, mereka juga berharap pelabur Malaysia dapat melabur di negara itu, khususnya dalam projek-projek penswastan mereka.

"Mereka nampaknya secara serius berminat dan usahawan yang datang dengan saya sudah mengadakan perbincangan secara khusus dengan berebapa peniaga Uruguay. Saya yakin hasil daripada lawatan ini, pelaburan di antara kedua-dua negara akan meningkat," katanya.

(END)